

## Cuckoo smurfing

### Cara untuk mengesan, mencegah dan melindungi diri anda daripada skim pemutihan wang haram ini

Jika anda mengirim atau menerima wang dari luar negara dengan menggunakan syarikat pemindahan wang, anda mungkin menghadapi risiko penjenayah menasaskan akaun bank anda dengan menggunakan 'cuckoo smurfing'.

Cuckoo smurfing merupakan cara pemutihan wang haram yang digunakan oleh penjenayah untuk mengakibatkan wang yang diperolehi daripada kegiatan jenayah seakan-akan berasal daripada sumber yang sah. Penjenayah terancang menggunakan sindikat pemutihan wang haram profesional untuk menasaskan akaun bank orang yang sedang menerima pemindahan wang dari Australia.

Lindungi diri anda daripada kegiatan jenayah ini dengan mengetahui tanda-tanda amaran dan melaporkan urusan akaun yang mencurigakan.

### Apa tanda-tanda amaran?

Berwaspadalah dan laporkan kegiatan yang tidak terduga dan mencurigakan yang berlaku pada akaun bank anda, termasuk:

- sebilangan deposit tunai dengan jumlah di bawah \$10,000
- sebilangan deposit tunai yang dilakukan pada hari yang sama atau dalam tempoh masa yang singkat
- deposit tunai yang dilakukan di beberapa cawangan dan Mesin Juruwang Automatik, termasuk di pelbagai negeri
- deposit tunai yang dilakukan daripada sebilangan pihak ketiga.

### Siapa yang menjadi sasaran?

Anda mungkin menghadapi risiko jika anda sedang menunggu pemindahan wang dari luar negara yang melibatkan syarikat pemindahan wang.

Ini termasuk:


- ekspatriat Australia
- pengekspat Australia
- pelajar asing yang menuntut di Australia
- pelabur asing
- penghijrah yang ingin menetap di Australia.

### Cara untuk melindungi diri anda

Hanya berurusan atau meminta wang dikirim dengan lembaga kewangan atau syarikat pemindahan wang yang sah.

Jika anda menunggu kiriman dana dari luar negara, telitilah kegiatan akaun bank anda dan laporkan sebarang urusan niaga yang mencurigakan.

### Bagaimana perkara ini berlaku:



Deposit ke dalam akaun di Australia (sarang 'cuckoo') sering dilakukan oleh pembawa tunai ('smurf') dengan jumlah kurang daripada \$10,000. **Sengaja membahagikan urus niaga yang berjumlah besar menjadi jumlah-jumlah yang kurang daripada \$10,000 untuk mengelakkan pelaporan urus niaga ambang adalah kesalahan jenayah.**

### Melaporkan kegiatan akaun yang mencurigakan

Sekiranya anda melihat sebarang kegiatan jenayah yang berlaku dalam akaun bank anda, termasuk tanda-tanda amaran di atas, anda harus segera melaporkan kepada bank anda terlebih dahulu, atau hubungilah Crime Stoppers pada nombor 1800 333 000.

Sekiranya anda menyedari kegiatan ini berlaku, penting untuk dilaporkan. Tidak melaporkan kegiatan ini bermakna anda mungkin akan menghadapi kemungkinan dakwaan jenayah, perampasan dana tersebut atau penutupan akaun anda oleh bank.

Untuk maklumat lanjut, lawati

[www.afp.gov.au/proceeds-crime](http://www.afp.gov.au/proceeds-crime)